

# NEWS CLIPPING

Client: Cisco Systems  
Newspaper: Harian Metro  
Subject: Cisco Helps "Rumah Hope"  
Issue Date: 29 April 2009  
Page: V2  
Size: 14cm x 4col

## Cisco bantu Rumah Hope

**C**ISCO Malaysia bersama pelajar Cisco Networking Academy, Universiti Multimedia Malaysia melaksanakan kerja kebajikan di Rumah Anak-anak Yatim Hope dengan memasang sistem rangkaian untuk capaian-tanpa wayar.

Inisiatif itu membolehkan penghuni rumah terbabit menjalani kehidupan lebih sempurna untuk pembangunan sahsiah serta membantu dalam pembelajaran mereka dengan capaian komputer berangkaian yang mampu terus ke Internet.

Selepas siap dipasang dan diuji, pelajar terbabit duduk bersama anak-anak yatim rumah itu sambil menunjuk ajar dan membantu mereka mengenai selok belok menggunakan Internet.

Pengarah Urusan Cisco Malaysia, Anne Abraham, berkata Cisco bukan sekadar memperluaskan pemiagaan, namun tidak pernah lupa untuk menjalankan aktiviti kebajikan yang sememangnya menjadi antara teras di Cisco.



**BANTU...**kakitangan dan pelajar Akademi Cisco membantu memasang dan memastikan sistem rangkaian komputer Rumah Hope berjalan lancar.

"Inisiatif seperti ini membolehkan kakitangan kami menggunakan kepakaran mereka untuk bersama-sama dengan pelajar akademi membantu mereka yang kekurangan dan perlukan bantuan seperti Rumah Anak-anak Yatim Hope.

"Mereka kini boleh menikmati hidup sebagaimana orang lain dalam era maklumat dan pengetahuan yang pastinya

dapat meningkatkan kehidupan mereka sambil mengubah gaya hidup, bermain dan belajar," katanya lagi.

Selain tenaga, Cisco menyumbang peralatan berkaitan termasuk empat unit pusat capaian Cisco WAP200 Wireless-G dan router, serta antena Cisco High Gain untuk SMA Connectors HGA7S.